

**SIARAN AKHBAR**

**FINANCIAL FUN FAIR  
BERSEMPENA DENGAN HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2017  
JERUDONG PARK COLONNADE**

**3 SYAABAN 1438H BERSAMAAN DENGAN 30 APRIL 2017M**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE) dan Tabung Amanah Perkerja (TAP), telah mengadakan *Financial Fun Fair* bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2017 di Jerudong Park Colonnade pada hari Ahad, 3 Syaaban 1438H bersamaan dengan 30hb April 2017M.
2. Hadir sebagai Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan AMBD; Ketua-Ketua Eksekutif Institusi-Institusi Kewangan di Negara Brunei Darussalam; dan pegawai dan kakitangan AMBD.
3. Dengan tema “*Generasi Celik Kewangan*”, *Financial Fun Fair* ini diadakan dengan objektif bagi orang ramai dan keluarga untuk mempelajari konsep-konsep pengurusan kewangan melalui aktiviti-aktiviti dan permainan yang dianjurkan oleh institusi-institusi yang turut serta. Antara institusi-insitusi kewangan yang menyertai *Financial Fun Fair* ini ialah Baiduri Bank Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam(BIBD), Standard Chartered Bank, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn Bhd, Insurance Islam TAIB Holdings Sdn Bhd, dan Great Eastern Life Assurance. Junior Achievement Brunei juga turut sama memeriahkan *Financial Fun Fair* ini. Institusi-institusi kewangan tersebut mengadakan permainan-permainan interaktif yang direka untuk meningkatkan pengetahuan pemain-pemain mengenai konsep menabung, perbelanjaan berhemat, penyediaan bajet dan pengurusan hutang.
4. *Financial Fun Fair* ini juga mengetengahkan beberapa aktiviti termasuk *Meet & Greet* bersama atlet kebangsaan iaitu Fakhri Ismail, Maziah Mahusin dan Jaspar Yu yang juga telah turut serta dalam aktiviti-aktiviti dan permainan yang dianjurkan; persembahan *bubble show*; permainan *Escape square* dan sketsa dari Stella School. Permainan yang dianjurkan oleh pihak AMBD termasuk Investment Block, Credit Scoring Board Game, Connect S-A-V-E, Find the Good Borrower, Putt It In, Bullseye, Payday, permainan memancing, Match The Scam, RING-assurance dan Hungry Birdz.
5. Seterusnya, AMBD, dengan kerjasama TAP, juga akan mengadakan *Financial Showcase* di Airport Mall pada hari Ahad, 28 Mei 2017.

6. Untuk makluman lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2017, orang ramai bolehlah melayari laman web [www.ambd.gov.bn/nsd2017](http://www.ambd.gov.bn/nsd2017) atau menghubungi AMBD melalui emel [corpcomms@ambd.gov.bn](mailto:corpcomms@ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 3 Sya'ban 1438 / 30 April 2017  
Rujukan: AMBD/COMMS/2017/3